



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PERLIS FEST@KL 2016
OLEH
DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU RAJA MUDA PERLIS DAN
RAJA PUAN MUDA PERLIS**

**BERTEMPAT DI RUANG LEGAR, MEDAN MARA,
KUALA LUMPUR**

**24 MEI 2016 (SELASA)
WAKTU KETIBAAN : 10.45 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM PERLIS RAJA
BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU.**

**MERAFAK SEMBAH DAN MENJUNJUNG KASIH
DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL,
RAJA MUDA PERLIS,
SERTA,
DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL
RAJA PUAN MUDA PERLIS,**

AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK HARAP DI AMPUN

**AMPUN TUANKU,
Terlebih dahulu patik mewakili warga kerja Kementerian dan MARA di seluruh Malaysia merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas limpah perkenan Duli- Duli Tuanku Bercemar Duli berangkat ke bangunan Ibu Pejabat MARA bagi merasmikan Perlis Fest@KL 2016 ini. Sesungguhnya keberangkatan Duli-Duli Tuanku ke majlis ini amat besar ertinya kepada patik-patik sekalian.**

Ampun Tuanku,

Patik memohon limpah perkenan Duli-Duli Tuanku untuk berucap kepada sidang hadirin yang hadir dalam majlis pada hari ini.

Ampun Tuanku,

SALUTASI

DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU YANG KAMI KASIHI, DATUK-DATUK, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

1. Alhamdulillah, pada hari yang mulia ini, patik memanjatkan rasa syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan rahmatnya, MARA sekali lagi telah berjaya menganjurkan PERLIS FEST @ KL 2016 di Kuala Lumpur. Ini adalah kali kedua **Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis** sanggup berangkat turun ke Kuala Lumpur dengan membawa misi besar iaitu mengangkat nama negeri Perlis ke persada yang lebih tinggi.

Jutaan terima kasih daripada kami warga kerja Kementerian dan MARA di atas kesudian Duli Yang Teramat Mulia Tuanku memilih MARA sebagai platform dalam memacu ekonomi negeri Perlis.

2. Saya beranggapan ini adalah satu penghormatan yang sangat tinggi diberi kepada MARA dan jarang-jarang berlaku di peringkat ibu pejabat di agensi-agensi lain di Kuala Lumpur. Apatah lagi, ini adalah kunjungan kali kedua Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis dan Raja Puan Muda Perlis ke Ibu Pejabat MARA ini.

Ampun Tuanku,

3. Penganjuran program kali kedua ini adalah hampir sama dengan program pada tahun lalu di mana pada tahun lalu kita telah menjadikan program tersebut sangat unik untuk meraikan para usahawan dan peminat buah mempelam **Harumanis**. Sepertimana yang kita semua sedia

maklum, buah mempelam Harumanis adalah produk ikonik Negeri Perlis dan terkenal di peringkat antarabangsa seperti Jepun, Korea, China dan Thailand. Produk ini dilihat mampu untuk menerajui dan memacu kejayaan Negeri Perlis dalam menjana sektor ekonomi Negeri Perlis. Ia menjadi kebanggaan rakyat negeri Perlis sejak sekian lama.

4. Berdasarkan kepada reputasi tersebut, MARA telah mengorak langkah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis untuk memperkasakan lagi pembangunan sektor ekonomi melalui produk ikonik seperti mempelam Harumanis dan produk-produk tempatan yang lain bagi menaungi sektor keusahawanan secara khusus. Malah pada kali ini juga, usahawan Perlis turut membawa bersama pelbagai jenis buah mempelam daripada Perlis untuk diperkenalkan kepada para pengunjung

5. Bukan itu sahaja, kali ini MARA Perlis turut membawa bersama **14 usahawan** dalam program ini dan rata-ratanya mempunyai rekod kejayaan yang sangat hebat bersama MARA di Negeri Perlis. Program kali ini juga turut disertai oleh *Tourism Malaysia*, Jabatan Pertanian Negeri Perlis, FAMA dan UiTM Perlis.

6. Melalui kolaborasi dan semangat yang tinggi seperti ini antara Kerajaan Negeri Perlis dan MARA, segala visi dan misi yang telah ditetapkan mampu direalisasikan. Oleh itu, penganjuran program seperti ini telah menjadi satu platform untuk kita memperkasakan lagi pembangunan sektor ekonomi negeri Perlis dalam penjanaan ekonomi di peringkat antarabangsa. Tahniah dan syabas serta jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Menteri Besar Perlis serta barisan exco yang begitu komited untuk bergerak bersama-sama MARA dalam memacu ekonomi negeri.

**AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK HARAP DI AMPUN,
DATUK-DATUK, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

7. Untuk makluman **Duli Yang Teramat Mulia Tuanku**, MARA masih hangat dengan Sambutan 50 TAHUN MARA yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 4 April 2016 yang lalu dengan aspirasi MENJUNJUNG AMANAH RAKYAT. Pelbagai program kemasyarakatan dan komuniti telah dilaksanakan dalam memastikan kelangsungan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera bagi melahirkan modal insan yang berkebolehan tinggi dalam bidang keusahawanan, pendidikan, ekonomi, kerohanian dan kepimpinan dapat diperhalusi dan dimantapkan.

8. Hal ini juga adalah selari dengan hasrat YAB Perdana Menteri yang mahukan MARA menjadi *transformation agent* kepada masyarakat Bumiputera supaya kita boleh membawa mereka ke tahap yang lebih tinggi. MARA akan terus memperkasakan aktiviti sedia ada meliputi program keusahawanan dan pendidikan. Dari aspek keusahawanan, MARA akan terus membantu komuniti usahawan untuk terus berdaya maju dan berdaya saing.

9. MARA juga akan sentiasa memastikan pelbagai program keusahawanan dapat diwujudkan, diperhebat dan dimantapkan lagi dalam usaha mempertingkatkan *soft skills* yang merangkumi ketrampilan diri, cara komunikasi efektif, pembangunan budaya usahawan dan inovatif yang selari dengan perkembangan dan keperluan industri pekerjaan masa kini dalam kalangan usahawan Bumiputera.

10. Justeru itu, rakyat Bumiputera negeri Perlis sudah tentu sangat bertuah apabila Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda begitu komited dan memberikan sokongan yang padu didokong kuat pula oleh Barisan Tertinggi Kerajaan Negeri Perlis. Sudah pasti matlamat yang disasarkan akan lebih mudah dicapai di negeri Perlis. Program Perlis Fest@KL pada hari ini, sudah tentu akan diletakkan sebagai program yang berprestij dan memberi impak paling besar dalam Kalendar Sambutan 50 Tahun MARA.

**DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU,
DATUK-DATUK, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

11. MARA merupakan sebuah badan kerajaan yang memikul amanah untuk merencanakan bidang pembangunan ekonomi Bumiputera. MARA merupakan agensi yang diberi kepercayaan untuk membantu Bumiputera bermula daripada akar umbi melalui program-program keusahawanan seperti program ini. Pelbagai strategi MARA dalam melahirkan usahawan korporat, tekno usahawan, usahawan peruncitan, usahawan pembuatan dan kontraktor wibawa melalui program-program komprehensif akan terus ditawarkan kepada Kerajaan Negeri.

12. Kerjasama erat dan dinamik antara Kerajaan Negeri dan MARA adalah salah satu kunci ke arah pembangunan ekonomi Bumiputera. Terima kasih dan syabas di ucapkan kepada semua usahawan yang hadir pada hari ini dan ternyata ini adalah platform yang dinanti-nantikan untuk menggerakkan usahawan.

13. MARA telah mencuba sedaya upaya bergerak pantas bersama Kerajaan Negeri Perlis dalam memacu sektor ekonomi. Projek Institut MIRAIL di bawah UniKL juga telahpun diluluskan di Chuping Valley, Perlis. Begitu juga dengan projek dibawah MARA Inc iaitu projek pembinaan hotel bertaraf antarabangsa 18 tingkat yang kondusif dengan prasaranana perniagaan dan pendidikan akan dibina di tengah-tengah bandar Kangar . Kesemua ini adalah untuk limpahan rangkaian ekonomi di Negeri Perlis dan mempunyai daya tinggi menarik pelabur.

AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK HARAP DI AMPUN,

Ampun Tuanku

Demikian lah ucapan patik

14. Akhir kalam, patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli-Duli Tuanku yang telah sudi berangkat hadir kemajlis pada hari ini. Sesungguhnya usaha **Duli Yang Teramat Mulia Tuanku** mengangkat martabat bangsa ke persada dunia sangatlah patik-patik sekalian sanjung tinggi. Patik sudahi ucapan ini dengan ucapan Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ampun Tuanku

Menjunjung kasih Tuanku.